



OPENCOURSEWARE

# Institusi-Institusi Islam (UICI 2042)

## Institusi Ekonomi

Nurazmallail Bin Marni

Sayed Mahussain Bin Sayed Ahmad al-Idrus



Inspiring Creative and Innovative Minds

[ocw.utm.my](http://ocw.utm.my)

## OBJEKTIF


- 1) Menjelaskan konsep institusi politik dari segi definisi, asal-usul, dan kedudukan politik dalam kehidupan, serta asas-asas dan ciri-ciri politik Islam.
- 2) Membahaskan kaedah pemilihan khalifah atau ketua negara dalam negara Islam, syarat-syaratnya, serta tanggungjawab yang dipikul olehnya.
- 3) Menghuraikan institusi yang terdapat dalam pemerintahan Islam dan bidang kuasanya.
- 4) Membincangkan pembentukan pemerintahan dan perbezaan antara fahaman politik barat dengan politik Islam.

## PENDAHULUAN

- Perkataan **politik** berasal daripada kata akar polis yang bererti negara, kota, dan kemajuan
- Istilah politik dipopularkan oleh Plato dalam bukunya *Politea* dan Aristotle dalam bukunya *Politica*.
- Politik merupakan istilah yang digunakan untuk membincangkan konsep pengaturan masyarakat.

ocw.utm.my

## UNSUR KENEGARAAN YANG PERLU UNTUK PEMERINTAHAN



## DEFINISI BARU POLITIK (DELIAR NOER)

- Politik ialah segala aktiviti atau sikap yang berhubungan dengan kekuasaan termasuk kuasa untuk mempengaruhi
- Meliputi cara mengubah dan mempertahankannya
- Satu bentuk masyarakat

## 5 PRINSIP POLITIK MACHIAVELLI dalam bukunya *La Prince*

- 5 lima teori fasik (terkeluar daripada nilai-nilai murni) dalam politik;
  1. **Kekuatan:** setiap pihak mengukuhkan kekuatan. Siapa yang kuat dialah yang menjadi pemerintah.
  2. **Balas-membalas:** Harus membala tuduhan orang lain. Jika tertuduh berdiam diri bererti ia lemah dan jadi mangsa.
  3. **Kemenangan:** semakin lemah pihak lawan, semakin berkuasa dan kemenangan berada di pihaknya.
  4. **Topeng:** Harus berpura-pura, tipu-menipu, guna pelbagai taktik dan muslihat untuk mengalahkan lawan. Siapa yang paling pintar dalam tipu muslihat, dialah yang berjaya dan berkuasa.
  5. **Kelemahan lawan:** Siapa mengetahui kelemahan lawan, ia akan berjaya menguasai lawan. Kemenangan hanya dapat dicapai setelah tahu kelemahan lawan.

## PRINSIP POLITIK MACHIAVELLI

- Prinsip “***matlamat menghalalkan cara***” demi kepentingan politik menjadi ikutan sebahagian besar politikus Barat dan Timur .
- **Kesannya:**
  - 1) timbul salah faham terhadap definisi sebenar dan kepentingan politik dalam Islam hingga bersikap anti kepada politik, menganggapnya kotor, jijik dan bertentangan dengan kesucian agama.
  - 2) Lahirnya pendapat bahawa politik tidak boleh diselaraskan dengan agama dan politik perlu dipisahkan daripada agama (sekularisme).

## KAITAN ANTARA ISLAM & POLITIK: DEFINISI AGAMA

- Islam adalah kata nama terbitan daripada perkataan *aslama* yang bererti:
  - Tunduk, Taat, Menyerah diri
  - Dari sudut bahasa:
  - -tunduk            -selamat
  - -taat            -aman
  - -damai            -tiada kecacatan

## **ISLAM BOLEH DITAFSIRKAN SEBAGAI:**

- 1) Mentauhidkan Allah
- 2) Tunduk, patuh, dan menjunjung titah perintah dan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah
- 3) Al-Din, iaitu suatu cara hidup dan sistem kehidupan yang sempurna untuk seluruh umat manusia.
- 4) Mentaati dan melakukan segala ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.

## DEFINISI ISTILAH

- *Khilafah*: Konsep kepemimpinan (khalifah) dan pemerintahan serta persoalan yang berkaitan dengan kenegaraan dan politik (diamalkan oleh Sunni).
- *Imarah* : Pemerintahan (amir).
- *Imamah*: Pimpinan negara yang diketuai oleh imam (diamalkan oleh Syiah).

## DEFINISI ISTILAH

- **Siasat :**

Dalam Bahasa Melayu merujuk kepada kebijaksanaan atau kecerdikan pemimpin dalam hal menyampaikan sesuatu maksud atau memperoleh sesuatu.

- **Siyasah :** Hal yang bersifat kenegaraan, iaitu politik.

- **Kesimpulannya:**

istilah-istilah tersebut berkongsi maksud yang sama, iaitu politik. Bila disebut sistem khilafah atau imamah maka maksudnya sistem politik Islam.


## POLITIK DARI SEGI BAHASA & ISTILAH

- Dari segi bahasa ialah:  
mengurus pimpinan ummah dan mengambil berat terhadap urusan masyarakat.
- Dari segi istilah:  
Mentadbir negara atau hal ehwal negara atau usaha untuk mendapatkan kuasa memerintah.

## 5 UNSUR UTAMA DALAM POLITIK

- 1) Ideologi/Akidah (sistem & falsafah hidup)
- 2) Perjuangan
- 3) Kekuasaan
- 4) Negara
- 5) Pemerintahan
  - Kesemua unsur tersebut tidak dapat dipisahkan agar tidak terjejas maksud politik.
  - Politik melengkapkan tuntutan hidup beragama.

## 5 UNSUR UTAMA DALAM POLITIK



## SEKULARISME

- Pemisahan politik daripada agama.
- Rasulullah s.a.w. mengingatkan umat Islam agar tidak terpengaruh dengan fahaman tersebut, malahan hendaklah memeranginya habis-habisan.
- Antara kesan sekularisme ialah ‘amar makruf nahi mungkar’ (dakwah) tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana tanpa kuasa politik yang cukup.
- Tiadanya kuasa mencegah kemungkaran mengakibatkan berlakunya kezaliman yang tiada kesudahan.

## ASAS-ASAS POLITIK ISLAM



## 1) ASAS AKIDAH TAUHID

- Akidah Islam adalah asas/tunjang politik Islam yang utama.
- Kerajaan Islam menyedari konsep ketauhidan dengan mendaulatkan hak-hak Allah dengan:
  - Mengakui bahawa Tuhan Pemelihara alam adalah Tuhan pemelihara manusia.
  - Hak untuk menghakimi dan mengadili dengan sempurna adalah milik-Nya.
  - Hukum Allah adalah suatu yang hak (kebenaran) dan sempurna.

## RISALAH

- **Risalah** ialah kerasulan atau pengutusan para rasul dari kalangan manusia terpilih.
- Rasul menyampaikan syariat agama dan peraturan Allah.
- Para rasul adalah imam/pemimpin kepada manusia dan kesemua mereka membawa mesej yang sama, iaitu agama tauhid untuk didaulatkan dalam kehidupan manusia.

## Sambungan ...

- **Muhammad s.a.w adalah nabi yang terakhir.**
- Syariat baginda adalah kesimpulan dan kesempurnaan kepada seluruh syariat yang disampaikan oleh para rasul sebelumnya.
- **2 perkara asas yang ditinggalkan oleh Nabi ialah Al-Quran dan As-Sunnah.**
- Kerajaan Islam yang terdiri daripada ulama dan umara adalah penyambung kepada tugas para nabi dan rasul dalam memandu, membimbing, dan menjadi teladan kepada umat.

## Sambungan ...

- Allah ialah Pemilik Agong segala kerajaan dan Dia sahajalah penguasa yang mutlak.
- Al-Quran dan Al-Hadith merupakan sumber hukum utama bagi umat Islam.
- Furu' (perkara ranting) yang tidak dijelaskan oleh Al-Quran dan Al-Hadis akan menjadi urusan Ijtihadi.
- 2 sumber asas yang telah dihasil mengikut *al-ra'yu* ialah Al-Ijma' dan Al-Qiyas
- Peraturan daripada Al-Quran, Al-Hadith, Al-Ijma' dan Al-Qiyas membentuk Syariah Islamiyah.

## 2) ASAS AL-KHILAFAH

- Manusia patut menyerahkan segala kuasa legislatif dan kedaulatan hukum tertinggi kepada Allah sahaja.
- Khilafah hanyalah mewakili Tuhan di bumi.
- Khilafah adalah pemegang amanah Tuhan demi memastikan segala peraturan dan suruhan agama berjalan dalam kehidupan manusia.

### 3) ASAS SYURA

- Diambil daripada kata kerja “syawara” yang mengandungi beberapa erti iaitu memperlihat, mengeluarkan, meminta pendapat, dan berdialog.
- Dari segi istilah bermaksud menganalisis pelbagai pendapat dan pandangan yang dikemukakan mengenai masalah yang baru timbul.
- Islam mengambil berat tentang prinsip syura sehingga dinamakan dengannya salah satu surah dalam Al-Quran (surah As-Syura = surah 42).
- **Sebab utama ialah menunjukkan bahawa Islam bersifat rahmat dan bertoleransi ke atas manusia.**

## 4) ASAS KEBEBASAN & PERSAMAAN

- Kebebasan merupakan satu nilai yang tertinggi dalam kehidupan manusia.
- Kebebasan atau kemerdekaan merupakan nyawa, roh, dan semangat kepada kehidupan.
- Kebebasan yang dibawa oleh Islam:
  - Kebebasan rohani daripada hawa nafsu.
  - Kebebasan beragama dan berakidah.
  - Kebebasan daripada perhambaan kepada nilai dan norma masyarakat.
  - Kebebasan daripada perhambaan sesama manusia.
  - Kebebasan mendapat dan memiliki serta menguruskan hak.
  - Kebebasan berpolitik, bersuara, dan memberi pendapat.

## RINGKASNYA

- Islam menganggap manusia adalah makhluk ciptaan Allah yang paling mulia dan dipandang sama di sisi Tuhan.
- Pangkat, darjat, darah, dan warna kulit serta harta kekayaan bukanlah ukuran sebenar.
- Matlamat hidup manusia adalah sama, iaitu untuk menjadi hamba dan khalifah Allah agar agamanya dapat ditegakkan di atas dunia ini.

## **INSTITUSI PEMERINTAHAN DALAM ISLAM**

### **1) BADAN PELAKSANA (EKSEKUTIF)**

diketuai Perdana Menteri & Kabinet

### **2) BADAN PENGGUBAL (LEGISLATIF)**

diketuai Yang DiPertuan Agong & Parlimen

### **3) BADAN KEHAKIMAN (JUDISIARI)**

diketuai Ketua Hakim Negara & Mahkamah

ocw.utm.my

UTM  
UNIVERSITY TUNKU MARSHAN

## INSTITUSI PEMERINTAHAN DALAM ISLAM

A pie chart divided into three equal segments, each representing one of the three branches of government in Islam. The segments are colored purple, red, and green. The purple segment is labeled 'BADAN PELAKSANA (EKSEKUTIF)'. The red segment is labeled 'BADAN PENGGUBAL (LEGISLATIF)'. The green segment is labeled 'BADAN KEHAKIMAN (JUDISIARI)'.

26

## BADAN PELAKSANA/EKSEKUTIF

- Islam mempunyai undang-undang dasar dan undang-undang tafsiran.
- Kuasa dalam negara Islam baik eksekutif (khalifah atau imam) maupun legislatif (*ahlu hilli wal aqdi* atau *ahlu ra'yu*) adalah amanah Allah yang diberikan kepada orang-orang yang mendapat mandat (*ulul amri*) untuk menjalankannya.

## Sambungan ...

- Ulul Amri bertanggungjawab melaksanakan undang-undang, manakala rakyat wajib mentaatinya sebagaimana mereka mentaati Allah dan Rasul-Nya.
- Menurut Ibn Khaldun, ulul amri tergolong kepada 2 golongan iaitu:
  - Al-Umara (ketua-ketua negara)
  - Al-Ulama (para cendekiawan Islam)
- Badan eksekutif perlu dibentuk menerusi pemesyuaratan (syura).

## BADAN PENGGUBAL/LEGISLATIF

- Dalam istilah politik Islam, badan legislatif dikenal sebadai *ahlul hilli wal aqdi (ahli pemutus dan pengikat dasar)*.
- Tiada seorang atau sebarang pihak pun yang berkuasa untuk menggubal sebarang undang-undang yang bertentangan dengan al-Quran dan As-Sunnah meskipun undang-undang tersebut disokong suara ramai.

## FUNGSI BADAN LEGISLATIF

- 1) Melaksanakan dalil atau peraturan yang ada dalam Al-Quran dan As-Sunnah
- 2) Memutuskan tafsiran yang sesuai dan terbaik untuk diperlembagakan untuk masalah yang peraturan dan prinsipnya disebut oleh Al-Quran atau As-Sunnah yang mempunyai pelbagai maksud.
- 3) Menggubal peraturan dan hukuman untuk masalah yang hanya disebut oleh Al-Quran atau As-Sunnah tentang prinsip-prinsip asas sahaja tetapi tiada penjelasan.
- 4) Mencari penyelesaian yang terbaik untuk kemaslahatan ramai dan negara yang tiada dalilnya daripada Al-Quran atau As-Sunnah.

## BADAN KEHAKIMAN

- Bersifat bebas dan terlepas daripada segala campur tangan, tekanan atau pengaruh, sehingga dapat membuat keputusan yang bebas dan adil mengikut perlembagaan negara.
- Tujuan badan ini (mahkamah):
  - 1) Menegakkan keadilan
  - 2) Menghapuskan kebatilan
  - 3) Memberi keinsafan atas perlanggaran hukum Tuhan

## MATLAMAT KUASA KEHAKIMAN

- 1) Menjamin hak negara dan rakyat.
- 2) Menghapuskan kejahatan(jenayah) sosial.
- 3) Mengingatkan ancaman dengan dua keseksaan Tuhan (dunia dan akhirat).

## PEMILIHAN KETUA NEGARA

- Tanggungjawab utama masyarakat Islam (ummah) ialah memilih dan menentukan ketua mereka untuk menerajui dan membimbing mereka dalam urusan agama dan negara.
- Pemilihan perlu mengikut sistem syura berdasarkan prinsip siyasah syar'iyyah.
- Pemilihan perlu sesuai dengan keadaan zaman dan suasana tempat masing-masing asalkan mengikut prinsip syura sebagaimana yang ditegaskan oleh Al-Quran dan amalan Rasul-Nya.

## CARA PEMILIHAN KETUA NEGARA BERDASARKAN CONTOH KHULAFĀ' AR-RASYIDIN

- 1) Perundingan tanpa adanya calon  
*Khalifah Abu Bakar.*
- 2) Penunjukan atau cadangan kepada hanya seorang calon daripada khalifah terdahulu  
*Khalifah Umar*
- 3) Penunjukan atau cadangan kepada beberapa orang calon oleh khalifah terdahulu untuk dirunding bagi dipilih seorang daripada mereka  
*Khalifah Uthman*
- 4) Tanpa sebarang isyarat atau cadangan daripada khalifah terdahulu tetapi cadangan daripada majoriti.  
*Khalifah Ali*

## Cara Pemilihan Tambahan

- Sistem monarki (pewarisan tahta keluarga diraja )  
-bermula sejak pewarisan jawatan khalifah daripada Mu'awiyah r.a kepada anaknya Yazid.

- Dr. Abu al-Maati Abul al-Futuh dalam bukunya ‘Islam, Politik dan Pemerintahan’ menyatakan:  
*“Khalifah, imam, amirul mukminin atau ketua diberi kuasa dan tugas oleh ummah kepada pemerintah.”*
- Sayed Abul A’la al-Maududi menegaskan dalam bukunya ‘First Principles of the Islamic State’ bahawa semua keputusan perlu berdasarkan mesyuarat.

### **3 perkara utama dalam pemilihan ketua kerajaan (Sayed Abul A'la al-Maududi )**

- 1) Datang daripada kehendak masyarakat,
- 2) Tiada satu kaum atau kelas pun boleh memonopoli jawatan atau proses pemilihan.
- 3) Pemilihan dibuat mestilah berdasarkan kehendak bebas umat Islam tanpa sebarang gangguan, paksaan dan penipuan.

## SYARAT KHALIFAH & TANGGUNGJAWABNYA

- **Syarat asasi :**
  - 1) Lelaki yang merdeka dan baligh
  - 2) Sejahtera anggota dan pancaindera
  - 3) Adil, mempunyai akidah yang benar
  - 4) Keilmuan yang tinggi
  - 5) Kuat dan mampu menjalankan tugas
- **Tanggungjawab khalifah :**
  - 1) Menegakkan Islam
  - 2) Mengendali urusan negara mengikut syariah

## TUGAS UTAMA KHALIFAH (MENURUT AL-MAWARDI)

1. Menjaga agama
2. Menghentikan perselisihan, menghukum kejahatan
3. Menjamin keselamatan masyarakat umum
4. Memastikan terlaksananya hukum hudud
5. Memperkuatkan pertahanan negara
6. Berjihad melawan musuh-musuh Islam
7. Mengumpulkan harta pajak, sedekah dan seumpamanya
8. Menetapkan wang keluar dari Baitul Mal dengan jalan yang berpatutan serta penuh kesederhanaan
9. Melantik orang yang benar-benar berkemampuan, jujur dan amanah untuk menjawat jawatan penting
10. Sentiasa memeriksa urusan-urusan pemerintahan dan meneliti hal ehwal negara.

## TUGAS UTAMA KHALIFAH (MENURUT RASHID RIDHA)

1. Mengembangkan dakwah kebenaran
2. Menegakkan keadilan
3. Melindungi agama daripada sebarang musuh dan unsur bid'ah
4. Bermesyuarat dalam perkara atau masalah yang tiada nas

## KEPENTINGAN MEMBENTUK PEMERINTAHAN

- Semua mazhab dalam Islam menganggap membentuk pemerintahan Islam adalah kewajipan iaitu fardu ain.
- Plato dan Aristotle menegaskan bahawa pemerintahan diperlukan untuk mewujudkan keamanan dan perpaduan dalam masyarakat.
- Oswald Spengler dan Hegel dalam ‘falsafah dan sarjana Barat moden’ menghuraikan kepentingan pemerintahan dengan mengaitkan asal semulajadi sifat kejadian manusia.

## Sambungan ...

- Ibn Khaldun (bapa sosiologi Islam) menghuraikan bahawa manusia merupakan makhluk yang bermasyarakat, berakal, berbudaya, berseni, berekonomi, berpolitik dan sebagainya secara semula jadi.
- Muhammad Asad (sarjana Islam modern) menegaskan bahawa pemerintahan adalah perlu untuk menjamin kebebasan agar dapat diabadikan dalam masyarakat.
- Islam dan Barat sepakat dalam menegaskan bahawa berpolitik dan mewujudkan suatu pemerintahan adalah urusan yang terpenting dalam kehidupan manusia.

## BEZA ANTARA SISTEM PEMERINTAHAN ISLAM & SISTEM PEMERINTAHAN BARAT

- **Fahaman Barat:**
  - Liberalisme
  - Marxisme
  - Demokrasi
- **Islam:**
  - Theo-democracy

## BEZA ANTARA

### SISTEM PEMERINTAHAN ISLAM & DEMOKRASI BARAT

DEMOKRASI BARAT	SYURA ISLAM
Mengandungi unsur-unsur perkauman.	Tidak mengambil kira hubungan darah dan bangsa tetapi mementingkan akidah
Tujuannya adalah kebendaan semata-mata.	Menumpukan aspek kerohanian.
Undang-undang dibuat dan dimansuhkan oleh rakyat dan dewan perundangan.	Al-Quran dan Hadis adalah perlembagaan negara yang tertinggi.

## KESIMPULAN

- Sistem pemerintahan yang berteraskan idealogi yang sihat mampu mewujudkan sebuah negara yang unggul dan sentosa.
- Pemerintahan Islam merupakan alternatif tunggal yang boleh menyelamatkan masyarakat manusia daripada terjerumus ke lembah kehancuran.

## SOALAN LATIHAN

- 1) Apakah yang dimaksudkan agama dan politik?
- 2) Huraikan hubungan antara agama dan politik dalam Islam?
- 3) Jelaskan kedudukan politik dalam kehidupan seorang Muslim.
- 4) Bincangkan asas dan ciri politik Islam.
- 5) Bagaimana kaedah pemilihan khalifah dalam sebuah negara Islam?
- 6) Apakah syarat utama untuk seseorang itu dipilih sebagai khalifah Islam?

## sambungan ...

- 7) Jelaskan tanggungjawab seorang khalifah yang baik menurut perspektif Islam.
- 8) Jelaskan jenis institusi yang terdapat dalam pemerintahan Islam serta bincangkan bidang kuasa masing-masing.
- 9) Apakah perbezaan antara fahaman Islam dan Barat terhadap tentang cara pembentukan pemerintahan?